

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN JULIAN TAN KOK PING**
[STAMPIN]

TARIKH : **23 MEI 2016**

SOALAN : **Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan secara terperinci langkah
terkini yang telah diambil oleh Kerajaan
dalam kemungkinan wujudnya ketegangan
yang bakal wujud di sekitar perairan Laut
China Selatan sekitar perairan pantai
Sarawak dengan negara China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Stampin atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Tindakan-tindakan yang sewajarnya, termasuklah rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan, sentiasa diambil bagi memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara.

3. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.

Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua tuntutan dan penyelesaiannya hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau *UNCLOS* 1982.

5. Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS* 1982.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani **Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)*** pada 4 November 2002.

7. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

8. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Kawasan maritim Malaysia di Laut China Selatan merupakan laluan perkapalan utama yang menghubungkan timur dan barat. Undang-

undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982* memperuntukkan hak kebebasan pelayaran, atau dengan izin, *freedom of navigation* bagi semua kapal, termasuklah kapal perang dan kapal penguatkuasa.

10. Sehubungan dengan itu, kehadiran kapal-kapal perang atau kapal penguatkuasa daripada mana-mana negara di dalam kawasan maritim Malaysia tidak boleh dihalang atau dibantah melainkan kapal-kapal ini melaksanakan aktiviti yang bercanggah atau bertentangan dengan aspek pelayaran seperti melaksanakan aktiviti penguatkuasaan, mengganggu aktiviti-aktiviti kapal-kapal lain dan sebagainya.

11. Kehadiran kapal-kapal perang dan penguatkuasa daripada banyak negara termasuklah China di dalam kawasan maritim Malaysia sentiasa dipantau oleh agensi-agensi keselamatan negara.

Tuan yang di-Pertua,

12. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Kerajaan juga akan terus memantau perkembangan semasa di Laut China Selatan supaya kepentingan negara sentiasa terpelihara. Dalam masa yang sama, usaha-usaha di peringkat serantau khususnya melalui ASEAN perlu terus dilaksanakan supaya Laut China Selatan dan rantau Asia Tenggara kekal aman dan stabil.

13. Saya ingin tegaskan bahawa isu Laut China Selatan adalah kompleks dan melibatkan hubungan antara negara. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam

perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.